


# MAKLUMAT

## PESAKIT

**Ubat Untuk Merawat**

### Penyakit Tekanan Darah Tinggi

*Penghalang Reseptor Angiotensin II*



**Medicine To Treat: Hypertension**

*Angiotensin II Receptor Blockers*

## **APKAH KEGUNAAN PENGHALANG RESEPTOR ANGIOTENSIN II?**

Ia merupakan sejenis ubat mengurangkan tekanan darah tinggi yang terbaru. Ia bertindak secara menghalang sejenis bahan yang dikenali sebagai Angiotensin II pada dinding saluran darah lantas mencegah penyempitan saluran darah.

## **APAKAH KESAN SAMPINGAN YANG MUNGKIN DI ALAMI DENGAN PENGHALANG RESEPTOR ANGIOTENSIN II**

Kesan sampingan jarang berlaku dan ini termasuk rasa pitam dan rasa ingin pengsan ketika bangun.

## **APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS SAYA AMBIL?**

Sekiranya anda hamil atau merancang untuk hamil adalah wajar untuk anda memberitahu doktor anda. Ubat ini tidak boleh diambil bersama ubat diuretik yang berdos tinggi kerana ia boleh menyebabkan tekanan darah yang rendah.

*Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak*

## **APAKAH JENIS PENGHALANG RESEPTOR ANGIOTENSIN II ?**

- Losartan
- Irbesartan
- Valsartan

## **APAKAH HARUS SAYA BUAT SEKIRANYA SAYA TERLUPA SATU DOS?**

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya masa untuk dos yang tertinggal itu berhampiran dengan dos yang selanjutnya teruskan dengan dos kebiasaan anda tanpa mengambil dos tambahan.

## **BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT SAYA ?**

- Simpan ubat anda di tempat yang sejuk, kering dan terpelihara dari kelembapan, kepanasan dan sinaran tepat matahari, kecuali diarahkan.
- Simpan ubat di dalam bekas aslinya yang berlabel. Jangan campur-adukkan ubat-ubat yang lain dalam satu bekas.

*Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi*